

**Tidak Perlu Pinda Perlembagaan Untuk Guna Dakwat Celup Pada Pilihan Raya, PSC
Diberitahu
Bernama
12 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda untuk membolehkan dakwat kekal digunakan ketika pilihan raya di negara ini, demikian Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambaan Proses Pilihan Raya (PSC) diberitahu.

Bercakap pada hari kedua sesi pendengaran awam PSC di sini, bekas Presiden Majlis Peguam Datuk Ambiga Sreenevasan berkata sistem itu boleh dilaksanakan dengan hanya menukar peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Sama sekali tidak perlu (untuk meminda Perlembagaan)... hanya perlu tukar peraturan (SPR), bukan Perlembagaan dan ini boleh dilakukan mengikut Sekyen 16 Akta Pilihan Raya yang membenarkan SPR membuat peraturan, membentangkannya di Parliamen untuk diluluskan," katanya ketika menjawab soalan seorang anggota PSC.

Terdahulu, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad meminta pandangan Ambiga berhubung perkara itu termasuk kemungkinan keputusan pilihan raya boleh dicabar di mahkamah jika sistem itu diperkenalkan tanpa meminda Perlembagaan Persekutuan.

Pada 2008, SPR memansuhkan rancangan menggunakan dakwat kekal bagi Pilihan Raya Umum pada 8 Mac selepas mendapat nasihat daripada segi perundangan termasuk keperluan menggubal satu undang-undang yang membenarkan seorang pengundi yang tidak mahu kuku atau jari telunjuknya ditandakan dengan dakwat, diberikan kertas undi.

Sementara itu, Presiden Majlis Peguam Lim Chee Wee juga yakin sistem itu boleh dilaksanakan.

"Mungkin pandangan saya tidak tepat, namun saya mempunyai keyakinan 99.9 peratus bahawa Perlembagaan tidak perlu dipinda bagi membolehkan dakwat kekal digunakan," katanya.

Bagaimanapun, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail berkata Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda terlebih dahulu sebelum sistem itu boleh dilaksanakan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626440>